

# Tidak wajar halang pelantikan KM baru Sabah

UM 26 MAR 2001

KOTA KINABALU 25 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan tiga ahli perniagaan tempatan yang cuba menghalang Datuk Chong Kah Kiat menerusi proses mahkamah untuk menjadi Ketua Menteri Sabah adalah sebagai tidak wajar.

Menurutnya, ketiga ahli perniagaan itu tidak mempunyai asas yang kukuh untuk berbuat demikian dan mereka seolah-olah cuba menimbulkan masalah.

Perdana Menteri diminta mengulas keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu semalam yang menolak dengan kos permohonan ketiga-tiga ahli perniagaan itu yang cuba menghalang pelantikan Chong.

Dr. Mahathir memberitahu pemberita pada sidang akhbar sebagai mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Sabah di Terminal 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, di sini hari ini.

Khamis lalu tiga orang ahli perniagaan itu telah memfailkan permohonan untuk mendapatkan injuksi sementara daripada Mahkamah Tinggi, di sini bagi menghalang Chong untuk mengangkat sumpah jawatan itu di hadapan Yang Dipertua Negeri.

Tiga plaintif dari Kota Belud yang mengemukakan permohonan injuksi itu ialah Kaiman Buangan, Abdul Rajik Arin dan D. Ismail D. Jamlang menamakan Yang

Dipertua Negeri Sabah, Tun Sakaran Dandai sebagai defendan pertama dan Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) Sabah, Datuk Chong Kah Kiat sebagai defenden kedua.

Mengenai masa depan Datuk Osu Sukam selepas mengakhiri penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah, Dr. Mahathir berkata, perkara itu akan difikirkannya kemudian.

Menjawab soalan mengenai formula baru sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah, Perdana Menteri berkata, perkara itu akan terus dilaksanakan mengikut persetujuan semua anggota komponen Barisan Nasional (BN) Sabah.

Menurutnya, formula baru

itu kekal dengan memberi peluang kepada UMNO untuk menyandang jawatan Ketua Menteri sebanyak dua kali dalam satu penggal kerajaan (pilihan raya).

“Kadazandusun Murut tidak seharusnya berasa tidak puas hati dengan pemilihan Chong kerana mereka sudah diberi peluang sebelum ini semasa Tan Sri Bernard Dompok,” jelasnya.

Dr. Mahathir menganggap keputusan masyarakat Kadazandusun Murut yang menolak Dompok semasa pilihan raya umum negeri 1999 sebagai tindakan yang tidak menerima pemimpin daripada golongan mereka sebagai Ketua Menteri di dalam BN.